

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Yeo Bee Yin Stops Illegal Entry of 24 Containers of Dirty Plastic, Sends Them Back to Their Countries</u>	World Of Buzz	Klik pada tajuk berita
2.	<u>24 containers of dirty plastic from Spain smuggled into Port Klang</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Sampah haram: Malaysia perlu ada penguatkuasaan berkesan</u>	Utusan Malaysia Online	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Call for effective enforcement on illegal dumping of plastic waste</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Contaminated plastics exports to be returned</u>	Malaysian Reserved	Klik pada tajuk berita
6.	<u>China's waste ban has turned Malaysia into the world's dumping ground – and now Malaysia's climate change minister wants exporting countries to take their trash back</u>	Business Insider	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Kastam agresif periksa kontena / Kastam agresif periksa kontena</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita / Rujuk Lampiran 1
8.	<u>Kementerian Pengangkutan sedia kerjasama pastikan pelabuhan tidak jadi tempat pelupusan sampah</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Elak pelabuhan lokasi lupus sampah</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 2
10.	<u>Checking Malaysian ports from becoming dumping grounds</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita



11.	<u>Transport, Climate Change Ministries team up to combat waste dumping at ports</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Pelabuhan di Malaysia bukan tapak pembuangan sampah - Loke</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Pastikan pelabuhan tidak jadi pusat pelupusan</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 3
14.	<u>Malaysia bukan tong sampah dunia</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 4
15.	<u>Pelbagai agensi bekerjasama lupus sampah di pelabuhan</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Move to regulate plastic waste trade</u>	The Sun	Rujuk Lampiran 5
17.	<u>Kaji wujudkan polisi kawal selia import plastik selain HS3915</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Waste from West turns Southeast Asia into global dumpyard</u>	News.cgtn.com	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Spanyol terkejut penemuan 24 kontena</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 6
20.	<u>Why banned shipments are still getting into Malaysia</u>	Recycling.Com	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Dealing with marine plastic pollution</u>	News Straits Times Online	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Malaysia morning news for April 25</u>	AEC News Today	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Salur jenayah alam sekitar / Salur jenayah alam sekitar</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk Lampiran 7
24.	<u>Cabaran, realiti hasilkan elektrik sendiri</u>	Utusan	Klik pada tajuk

		Malaysia	berita
25.	<u>Malaysia Debt Ventures plans to issue RM200 mil bonds</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
26.	<u>MDV rancang terbit bon kurangkan kebergantungan kepada kerajaan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Govt-linked financier out to stop others from Grab-bing local start-ups</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Growing Opportunities in Biopharmaceutical CMO & CRO Market by Forecasting the high Growth Segments Lonza, Boehringer Ingelheim GmbH, Rentschler Biotechnologie GmbH etc</u>	Markets Research Updates	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
29.	<u>UMK kutip 200 kg sampah, bersih longkang tersumbat</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Dua pelajar Perlis berada di kelas dunia</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
31.	<u>Peranan hebat TNB sebagai pemangkin pembangunan negara</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
32.	<u>TNB's phenomenal role as catalyst of national development</u>	The Star Online	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Menjelang Setahun Malaysia Baharu: Projek rintis pelupusan sampah di kampung pada September</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
34.	<u>7 kilang kitar semula haram di Kedah ditutup / 7 kilang kitar semula haram di Kedah ditutup</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk Lampiran 8
35.	<u>Tujuh kilang kitar semula plastik import disita</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
36.	<u>Vital to recognise different talent dismensions</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 9

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
37.	51 maut insiden banjir lumpur di Afrika Selatan	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
38.	Plastic monsters from around the world return home to Nestlé	Greenpeace	Klik pada tajuk berita
39.	Pemprov DKI Jakarta Wacanakan Larangan Penggunaan Kantong Plastik / Kerajaan Wilayah DKI Jakarta Wacanakan pengharaman penggunaan beg plastik	Indonesia Inside	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

YEO (kanan) melihat kontena yang mengandungi sisa plastik tercemar di Westport, Pulau Indah, kelmarin.

SELUDUP SISA PLASTIK TERCEMAR

Kastam agresif periksa kontena

Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tidak menafikan pengimportan sisa tidak dibenarkan termasuk sampah plastik tercemar masih berlaku walaupun kerajaan mengharamkan kemasu-

kan sisa buangan itu sejak tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan) Datuk Azimah Abd Hamid berkata, modus operandi penyeludupan bahan itu ialah melakukan pengimportan mengikrar dagangan menggunakan nombor tarif yang tidak memerlukan permit.

Katanya, pasukan JKDM terus bertindak agresif dengan menahan kontena disyaki membawa masuk bahan larangan itu berdasarkan risikan dan maklumat diterima pihaknya. "Kemudian pemeriksaan rapi

akan dilakukan seterusnya membuat siasatan atas dagangan berkenaan.

"Buat masa ini kami tidak membentuk pasukan petugas khas bagi menangani kemasukan sisa diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara khususnya Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang.

"Kastam menetapkan sebarang kes fraud yang diperolehi termasuk plastik, maka lesen ejen kastam yang terbabit akan digantung dan ditarik balik," katanya.

Beliau mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai penemuan 24 kontena di Pelabuhan Barat mengandungi sisa plastik tercemar tidak boleh di-kitar semula.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeo Bee Yin dipetik sebagai berkata, semua 24 kontena itu diisytiharkan mengandungi sisa pepejal bersih namun pemeriksaan lanjut mendapati ia mengandungi bahan larangan.

Menurut Yeo, pihaknya turut menerima laporan kontena mengandungi sisa plastik tercemar di Pelabuhan Utara dan pelabuhan di Pulau Pinang.

Setakat 11 April ini, sebanyak 300 kilang kitar semula sudah diperiksa di seluruh negara dengan 148 diarah tutup kerana beroperasi secara haram serta tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pada 26 Oktober tahun lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin, mengumumkan kerajaan menghentikan sepenuhnya pengeluaran lesen import (AP) sampah plastik.

Mengikut statistik dikeluarkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), lebih 1.8 juta tan sisa plastik dari 33 negara dihantar ke Malaysia sejak 2015 hingga Julai 2018.

Harian Metro pada 20 Januari lalu dalam laporan eksklusifnya turut mendedahkan 130 kontena berisi sampah plastik terpakai tersadai di Pelabuhan Pulau Pinang.



"Buat masa ini kami tidak membentuk pasukan petugas khas"
Azimah

LAMPIRAN 2
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Putrajaya

Elak pelabuhan lokasi lupus sampah

Kementerian Pengangkutan sedia bekerjasama dengan mana-mana agensi atau kementerian lain berhubung isu pelabuhan utama negara menjadi lokasi pelupusan sampah dari negara maju.

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, isu sama dibangkitkan Menteri Tenaga, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeo Bee Yin, ketika mesyuarat Jemaah Menteri, semalam.

Beliau berkata, Yeo akan memanggil satu mesyuarat bersama antara semua agensi terbabit bagi

mengkaji semula pelbagai prosedur.

“Jadi kita di peringkat kementerian pengangkutan akan memberikan kerjasama penuh kerana perkara ini membabitkan prosedur dan peraturan pelbagai agensi.

“Memang kalau sebarang keperluan daripada agensi lain kita akan beri kerjasama,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, demikian ketika mengulas isu penyeludupan sisa plastik tercemar ke negara ini melalui pelabuhan utama negara.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (ISU): MUKA SURAT 12
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Pastikan pelabuhan tidak jadi pusat pelupusan

➔ Kementerian semak prosedur elak penyeludupan sisa buangan

Oleh Ifwan Tun Tuah dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi memastikan pelabuhan di Malaysia tidak dijadikan tempat pelupusan sampah antarabangsa.

Menterinya, Anthony Loke, berkata pihak kementerian juga akan bekerjasama dengan pengendali pelabuhan dan syarikat perkapalan bagi menyemak semula prosedur berkaitan supaya tidak berlaku penyeludupan masuk sisa buangan.

"Dalam mesyuarat Jemaah Menteri tadi, Menteri Tenaga, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, ada

membangkitkan mengenai perkara itu dan beliau akan memanggil satu mesyuarat bersama semua agensi yang terlibat bagi mengkaji semula pelbagai prosedur.

"Jadi kita di peringkat Kementerian Pengangkutan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kerana perkara ini membabitkan prosedur dan peraturan pelbagai agensi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau mengulas penemuan 24 kontena dari Sepanyol berisi sisa plastik tercemar yang tidak boleh dikitar semula di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor dalam operasi kelmarin.

Bee Yin dilaporkan berkata penemuan itu menunjukkan wujud salah guna kuasa membabitkan pihak tertentu di pelabuhan negara ini.

Elak kejadian berulang

Mengulas lanjut, Loke berkata terdapat keperluan untuk mengkaji semula prosedur memasukkan kargo ke pelabuhan bagi mengelakkan berlaku lagi perkara seumpama itu.

"Kita tidak boleh halang kapal untuk masuk ke pelabuhan kita, kerana tidak semua kontena yang dibawa itu adalah salah. Mungkin sebahagian. Kita tidak boleh lakukan, perkara itu ke-

rana kita adalah negara perdagangan.

"Kita tidak boleh bagi mesej yang salah kepada industri perkapalan apa yang boleh dilakukan adalah kita kaji semula prosedur bagi memastikan kargo yang dibawa masuk ke negara ini adalah mematuhi undang-undang dan dibenarkan," katanya.

Sementara itu, tiada sebarang aktiviti penyeludupan masuk kontena mengandungi sisa plastik tercemar dikesan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Johor.

Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), Muhammad Razif Ahmad, berkata kebarangkalian aktiviti membawa masuk kontena berisi sisa plastik tercemar yang diisytiharkan sebagai bahan lain un-

tuk berlaku di kedua-dua pelabuhan terbabit adalah agak kecil.

"Masalah ini kurang ketara di Johor kerana model urus niaga PTP ialah sebagai pelabuhan 'transshipment' (kontena diturunkan sebelum dipindahkan ke kapal lain) dan kurang kargo untuk tujuan import atau eksport.

"Sementara itu, di Pelabuhan Johor pula, bilangan kontena kargo tidak tinggi jika dibandingkan dengan PTP atau Pelabuhan Klang," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, Muhammad Razif berkata pihaknya tetap memberi perhatian terhadap sebarang kemungkinan dan pengendali pelabuhan diarahkan supaya memastikan semua kontena kargo mempunyai dokumen yang betul.



Keratan akhbar BH pada 24 April 2019.

LAMPIRAN 4
HARIAN METRO (MINDA PENGARANG): MUKA SURAT 10
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Malaysia bukan tong sampah toksik dunia

Syabas diucapkan kepada Kementerian Tenaga, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar kerana menyekat kemasukan sisa plastik tercemar dan terlarang di pintu masuk negara. Kita percaya jika usaha ini berterusan, isu kewujudan kilang kitar semula yang beroperasi secara haram di seluruh negara dapat diatasi, malah pembuangan haram sisa tercemar dan terlarang juga dapat dielak berlaku.

Dalam tindakan itu, kita berharap kerajaan bertegas menggunakan Konvensyen Basel yang ditandatangani untuk menuntut negara pengimport sisa plastik tercemar itu mengambil balik bahan berkenaan yang ditahan di pelabuhan negara. Bukan sekadar 24 kontena, tetapi 129 lagi kontena yang mempunyai kandungan plastik terpakai di Pelabuhan Barat dan Utara ketika ini. Beban kos harus ditanggung negara pengimport itu.

Selain itu, isu salah guna kuasa di pelabuhan negara juga harus dilihat secara serius. Jika benar ada, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus di-
libatkan.

Apa yang penting, operasi dan serbuan haruslah dibuat berkala. Ia penting untuk kita memberi mesej serius kepada dunia, bahawa Malaysia bukanlah tong sampah sisa toksik kepada negara maju.

LAMPIRAN 5
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 5
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Move to regulate plastic waste trade

➤ Proposal requires exporting countries to get approval from governments of importing countries

■ BY IAN MCINTYRE
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: The Basel Convention will meet in Switzerland next week to consider a Norwegian proposal for greater transparency and accountability in the global trade of plastic waste.

The proposal will require exporting countries to obtain permission from governments of importing countries prior to shipping it. This system, known as "prior informed consent" is already in place for other types of hazardous waste.

At the current rate of production, the amount of plastic waste generated globally will reach a staggering 25,000 million metric tons by year 2050.

To illustrate the magnitude, that is equivalent to the weight of more than 83,000 Petronas Twin Towers.

Much of the plastic is used in developed countries and, once discarded, these wealthy

nations dump the low-grade plastic trash in third world countries, according to a report by Global Alliance for Incinerator Alternatives (Gaia).

But for some, there is hope that things will finally change for the better.

Plastic, being mostly non-biodegradable, has become a major environmental pollutant.

The only solution, according to Gaia, is to produce less plastic.

"Heavy plastic users, such as retailers of consumer goods, need to reduce single-use plastic packaging and move towards a refill and reuse system to get us out of this crisis," said Kate Lin, a senior activist with Greenpeace East Asia, which contributed data to the Gaia report.

Unfortunately, most users are taking the easy way out - by dumping their plastic waste in third world countries.

To address the problem, there has to be a change in mindset among consumers, producers as well as regulators, according to

Penang state executive councillor Phee Boon Poh, who is in charge of the environment.

China, which has been the world's number one buyer of plastic waste for a quarter century, imposed a ban last year on the import of recycled plastic scrap that is not 99.5% pure. This prompted dealers to move their operations to other countries. As a result, Malaysia has become a favourite dumping ground for such waste.

Plastic waste has been shipped illegally to Malaysia to be processed but most of it has ended up in incinerators or waste dumps because they cannot be recycled or reused.

Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said on Tuesday that plastic waste from the UK, Australia, the US and Germany was now being smuggled into Malaysia.

She said contaminated plastic waste and shipments bearing false import declarations would be returned to the countries of origin.

According to Gaia, crime syndicates were also involved in illegal dumping of plastic waste in Indonesia and Thailand. Just like in Malaysia, these activities have resulted in water contamination, crop destruction and a rise in illnesses caused by pollution.

LAMPIRAN 6
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 12
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Sepanyol terkejut penemuan 24 kontena

Kuala Lumpur: Kerajaan Sepanyol menyifatkan penemuan 24 kontena dengan muatan sisa plastik tercemar dari negara itu yang dibawa masuk menerusi Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor, kelmarin sebagai mengejutkan.

Timbalan Ketua Misi Kedutaan Sepanyol di Malaysia, Luis Cacho, berkata maklumat susulan operasi bersepadu Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim itu sudah disampaikan kepada kerajaan Sepanyol untuk siasatan lanjut.

"Kami amat terkejut dengan pendedahan oleh media susulan operasi bersepadu di beberapa pelabuhan, khususnya Pelabuhan Barat mengenai kemasukan kontena berisi sisa plastik tercemar ini.

"Oleh kerana dalam laporan (media) menyebut mengenai Konvensyen Basel yang se-

cara tidak langsung menyentuh hubungan antara negara, maka isu ini dipanjangkan ke Kementerian Luar, Kesatuan Eropah dan Kerjasama Sepanyol.

"Menteri Luar, Kesatuan Eropah dan Kerjasama Sepanyol, Josep Borrell Fontelles, akan memberikan butiran lanjut sebaik mereka mempunyai maklumat mengenai isu itu," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Beliau mengulas operasi bersepadu di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Selangor, kelmarin yang menemui 24 kontena mengandungi sisa plastik tercemar yang dibawa masuk dari Sepanyol.

Selain Sepanyol, negara seperti United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat dan Jerman turut dikesan menghantar sisa buangan ke Malaysia.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Pe-

rubahan Iklim, Yeo Bee Yin, dilaporkan berkata penemuan itu juga menunjukkan wujud salah guna kuasa dalam kalangan pihak tertentu di pelabuhan negara ini.

Gesa wujud pasukan petugas khas

Sementara itu, kerajaan digesa mewujudkan satu petugas khas membabitkan semua agensi bagi mengelakkan Malaysia terus menjadi tempat pelupusan sampah negara lain.

Bekas pensyarah Kualiti Air dan Permodelan Kualiti Air Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Maketab Mohamed, berkata ini kerana penguatkuasaan undang-undang berkaitan pada masa ini kurang berkesan dan tidak dilaksanakan secara serius oleh agensi terbabit.

"Wujud pelbagai kelemahan termasuk bagaimana sampah dari luar negara itu boleh di-

bawa masuk ke dalam negara tanpa diketahui Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan bagaimana kilang-kilang haram boleh beroperasi di sesebuah kawasan diselia pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Apa yang yang majlis perbandaran buat? Penguatkuasaan atau kutipan cukai sahaja yang penting? Kalau kerajaan serius untuk menangani masalah ini, harus ditubuhkan satu pasukan petugas khas supaya penguatkuasaan dapat dilakukan dengan betul...sekarang nampak main-main sahaja," katanya ketika dihubungi semalam.

Maketab yang juga bekas Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), berkata undang-undang sedia ada memadai dalam menangani masalah berkenaan namun yang menjadi masalah adalah penguatkuasaan dan unsur rasuah dalam kalangan anggota penguatkuasa.

LAMPIRAN 7
SINAR HARIAN (HULU SELANGOR): MUKA SURAT 23
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

Salur jenayah alam sekitar

JAS mahu masyarakat sebar kempen pemuliharaan alam sekitar

MOHD RIDZUAN
ABU HASSAN

KALUMPANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri mahu masyarakat menyalurkan sebarang salah laku jenayah alam sekitar kepada jabatan berkenaan untuk tindakan lanjut.

Pengarah JAS Selangor, Shafe'ee Yasin berkata, orang ramai juga perlu ber-

tindak sebagai mata dan telinga JAS dengan menyebarkan kempen kesedaran pemuliharaan alam sekitar di media sosial.

Menurutnya, kes pelupusan haram buangan berjadual di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang dan Sungai Semenyih baru-baru ini membuktikan pentingnya kerjasama masyarakat.

"Maklumat mengenai sebarang salah laku jenayah alam sekitar di persekitaran masing-masing perlu disalurkan dengan segera.

"Tidak wajar kita membiarkan salah laku ini memusnahkan ekosistem sungai dan alam sekitar yang menjadi nadi kehidupan pelbagai spesies," katanya pada perasmian Program Hari Bumi 2019 Peringkat



Pelepasan anak ikan lampam sempena Majlis Perasmian Program Hari Bumi 2019 Peringkat Negeri Selangor, semalam.

Negeri Selangor, semalam. Majlis disempurnakan Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui.

Shafe'ee juga meminta kerjasama masyarakat memberi maklumat mengenai pembakaran terbuka

dan pencemaran kilang. "Ada yang mengambil peluang melepaskan sisa buangan kilang ke sungai,"

katanya.

Shafe'ee berkata, JAS Selangor menjalankan program kesedaran setiap tahun melibatkan agensi kerajaan melalui pelbagai kaedah termasuk seminar, ceramah dan pameran.

Beliau juga mahu pelajar dan penuntut institusi pengajian tinggi menguar-uarkan promosi kempen tersebut di media sosial mereka.

Katanya, sambutan Hari Bumi yang bertemakan Protect Our Species memberi penekanan terhadap langkah menangani pencemaran yang mengancam flora dan fauna.

"Hidupan ini bukan sahaja melengkapkan ekosistem malah turut menjadi tarikan pelancong," katanya.

LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN (HULU SELANGOR): MUKA SURAT 8
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

7 kilang kitar semula haram di Kedah ditutup

Alor Setar: Kerajaan Kedah menutup tujuh daripada 12 kilang kitar semula sisa plastik import yang beroperasi secara haram di negeri ini, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Ooi Tze Min, berkata operasi itu dilakukan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) selepas pemilik kilang diberikan notis pengosongan premis minggu lalu.

"Kita mempunyai 12 kilang kitar semula sisa plastik import tidak berlesen, mereka ini tumbuh bagai cendawan sejak setahun lalu di kilang kosong yang disewa sekitar Sungai Petani iaitu di Taman Ria Jaya, Bakar Arang, Bukit Selambau dan Pinang Tunggal.

"Kilang lain kita akan tutup secara berperingkat selepas ini bagi memastikan pencemaran akibat kegiatan tidak bertanggungjawab ini dilumpuhkan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Tiada lesen baharu

Tze Min berkata, kerajaan negeri juga tidak akan mengeluarkan lesen baharu untuk premis kitar semula, manakala lapan kilang kitar semula yang berlesen dikehendaki mengikut syarat yang lebih ketat.

Katanya, ini kerana terdapat aduan yang diterima daripada penduduk bahawa kilang berkenaan beroperasi pada waktu malam dan mengganggu tidur mereka.

"Jadi setiap kilang ini hanya akan beroperasi daripada jam 6 pagi hingga 8 malam sahaja, selepas waktu itu mereka tidak dibenarkan beroperasi.

Sementara itu, Datuk Bandar Melaka Bandaraya Bersejarah, Mansor Sudin, berkata semua kilang memproses sisa plastik di negeri itu beroperasi menepati piawaian dibenarkan dan berada di kawasan zon perindustrian bagi mengelak sebarang unsur penyelewengan termasuk kewujudan kilang sisa plastik secara haram di negeri ini.

"Kita sudah semak di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini bahawa tiada kilang memproses sisa plastik secara haram, sebaliknya kilang juga harus menepati piawaian dan berada di kawasan zon perindustrian.

"Ketetapan ini bertujuan mengelak sebarang unsur penyelewengan serta masalah longgokan sisa plastik tercemar yang merbahaya," katanya ketika dihubungi.



Kilang lain kita akan tutup secara berperingkat selepas ini bagi memastikan pencemaran akibat kegiatan tidak bertanggungjawab ini dilumpuhkan"

Ooi Tze Min,

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar

LAMPIRAN 9
NEWS STRAITS TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 63
TARIKH: 25 APRIL 2019 (KHAMIS)



MADANI
SAHARI

Vital to recognise different talent dimensions

The recognition of different talent dimensions is important to ensure the workforce compositions are effective in implementing the appropriate Industry 4.0 strategies within businesses...

IT goes without saying that the fourth industrial revolution (Industry 4.0) has reached our shores, demanding immediate adaptation and deployment to realign the current and upcoming talent pool to fill positions within the industry that require quick access and capacity building to compete in the new era of connectivity.

The good news is — first, Industry 4.0 may be seen as an equaliser to global economy, as such disruptions to the way businesses of today are conducted will change, making the industrial revolution a problem not unique to any country, whether they are in advanced or developing stages.

Second and more importantly, our country has been responsive to adapting to changes — the National Policy for Industry 4.0 was a timely announcement and the applications and adoption of science and engineering within the society has been much debated in recent times.

At the core of any capacity building is the development of human talent. The underlying question, however, is the need to re-examine the way society perceives qualifications of talent to match one that is compliant and in line with Industry 4.0.

In a world where multi-disci-

plinary talent is ever more relevant, the recognition of different talent dimensions is important to ensure the workforce compositions are effective in implementing the appropriate Industry 4.0 strategies within businesses — be it management, creative, operational or administrative positions.

Furthermore, the emphasis of continuous learning — including opportunities to access it — becomes more and more pertinent. While in the olden days, new skills and learning were possible through raw experience alone, the rapid technology turnover rates seen today often create difficulty to acquire and adapt new skills, as access to technology infrastructure becomes scarce due to budget or management constraints of individual businesses.

Herein, within the depths of hundreds of automotive and surrounding-sector businesses, lie the strength of thousands of talented Malaysians with strong foundations in science, engineering and technology that can be moulded further into the talent that will take Malaysia's economic value to global heights.

The first step in this process is the MARii (Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute) Academy of Technology — previously called the MAI Resource

Centre — located in Bukit Beruntung, Selangor.

It has been the central location for MARii's Human Capital Development programmes — IPC (Industry Led Professional Certificate), AICE (Automotive Industry Certificate Engineering) and other plans developed specifically to enhance the capabilities of those entering and currently working within the entire breadth of the automotive sector.

To date, more than forty thousand Malaysians have joined the workforce or enhanced their careers after graduating from human capital development programmes conducted through the MARii Academy — focusing on key aspects that allow them to possess the needed competencies to deliver in a competitive environment.

To accelerate the development of Industry 4.0 compliance within Malaysian talent, programmes specific to technology adoption within Industry 4.0 will be introduced soon.

New IPC (Industrial PC) curricula in the Internet of Things, and smart manufacturing and robotics will be introduced for those prone to take the skills career route.

At the same time, MARii is collaborating with Swinburne University of Technology to develop

programmes for Advanced Diploma and Associate Degree in Industry 4.0.

Developed for university graduates and the current workforce, the programmes are structured within the working environment to deliver a continuous learning process based on real-time experience, supplemented by practical training and solid concepts — based on learning principles in line with Technical and Vocational Education and Training.

These programmes will equip graduates with strong and relevant technical knowledge and skills in additive manufacturing, smart manufacturing, process simulation, big data analytics and management, among others.

The MARii Academy of Technology will serve as an important centre in accelerating the adoption of technology from the human capital standpoint. Besides being a centre of knowledge and skills, it is also a place where learning is designed to be continuous, relevant and in line with the current and future demands of the connected mobility sector.

The writer is the chief executive officer of Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute.